

13/05/2000

`Pimpinan lama tiada strategi'

KEGAGALAN calon wanita dipilih menganggotai Majlis Tertinggi (MT) berpunca daripada ketiadaan strategi oleh pucuk pimpinan lama pergerakan itu, kata Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, sebelum ini Wanita Umno hanya mencadangkan dua nama untuk dicalonkan sebagai ahli MT dan akan menyokong habis-habisan calon berkenaan.

"Kerana undi lelaki banyak, kita minta dua undi saja. Kalau ada wanita lain nak bertanding, kita kata itu hak mereka, tetapi sokongan Wanita Umno hanya untuk dua calon.

"Tetapi kali ini, nampaknya tidak ada strategi begitu. Jadi perwakilan ikut suka, dan kita tahu bila orang nak memilih takkan pilih lima wanita, jadi berpecahlah undi lelaki," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Semua lima calon Wanita tewas pada pemilihan MT, iaitu Datuk Sharizat Abdul Jalil, Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Maznah Hamid, Dr Norraesah Mohamad dan Raja Ropiah Raja Abdullah.

Rafidah berkata, apa yang pasti, undi perwakilan untuk calon Wanita memang ada tetapi berpecah berikutan jumlah calon yang terlalu tinggi yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau akan meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik sekurang-kurangnya dua wakil Wanita Umno untuk menganggotai MT, dengan menamakan Shahrizat sebagai pilihan utama.

"Saya akan meminta secara rasmi kepada Presiden, lantiklah seorang wanita daripada yang bertanding, saya tengok Shahrizat kerana undi dia yang paling tinggi dan dia juga Naib Ketua Wanita," katanya.

Mengulas perkara yang sama, ahli jawatankuasa exco wanita, Datuk Maznah Abdul Hamid berkata, exco Wanita harus bermesyuarat dan melakukan siasatan untuk mengenal pasti setiap masalah yang wujud sehingga mengakibatkan berkurangnya calon wanita dipilih.

Beliau berkata, seolah-olah wujud `pemboikotan' ke atas calon wanita pada pemilihan kali ini.

"Saya rasa seolah-olah, seperti ada sesuatu yang tidak kena semasa pemilihan calon kali ini. Sama ada ia benar atau tidak kita akan ketahui kemudian selepas bedah siasat dilakukan," katanya.

Maznah juga berkata, banyak isu-isu semasa membabitkan golongan wanita yang belum selesai dan perlu diperjuangkan.

"Takkan, kita nak biarkan Rafidah saja memperjuangkan suara wanita. Mana dia larat," katanya.

(END)